

Gaji minimum jadi isu utama

BH - 2 MAY 2000

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Fazli Arman

KUALA LUMPUR, Isnin – Tuntutan pelaksanaan gaji minimum dalam semua sektor ekonomi, menjadi isu utama pada perayaan Hari Pekerja yang disambut di seluruh negara hari ini.

Sehubungan itu, beribu-ribu pekerja yang mengadakan perhimpunan sempena perayaan itu berharap kerajaan menimbang pelaksanaan gaji minimum berikutan ekonomi negara kini mulai pulih.

Di PADANG BESAR, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), N Siva Subramaniam, berkata pihaknya akan berbincang dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) minggu depan bagi mencari kadar gaji minimum yang munasabah sebelum dibentangkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan.

Katanya, Cuepacs bersetuju dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa gaji minimum RM1,200 sebulan tidak logik dan boleh memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan dan daya saing negara ini.

"Bagaimanapun, gaji minimum yang realistik perlu diperkenalkan bagi menjamin kebajikan pekerja," katanya selepas Majlis Sambutan Hari Pekerja Cuepacs Kebangsaan dan Larian Gua Kelam di Kaki Bukit yang dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, hari ini.

Antara lain, katanya, kadar gaji minimum yang akan dicadangkan kelak berbeza mengikut sektor serta kemahiran pekerja supaya pelaksanaan adil dan menguntungkan semua pihak.

Perdana Menteri dalam perutusan Hari Pekerja hari

ini, berkata kerajaan tidak dapat menetapkan gaji minimum RM1,200 sebulan seperti dicadangkan kesatuan sekerja kerana akan mengakibatkan kenaikan gaji ke paras terlalu tinggi.

Dr Mahathir berkata, kenaikan yang tinggi termasuk gaji eksekutif akan menyebabkan kerajaan dan sektor swasta tidak mampu menanggungnya yang mana boleh menjurus kepada kemusnahan ekonomi negara.

Subramaniam berkata, penetapan gaji minimum penting kerana kira-kira 10,000 pekerja mahir negara ini bekerja di negara jiran disebabkan gaji yang ditawarkan lebih tinggi.

Di PETALING JAYA, MTUC berikrar meneruskan tuntutan sehingga kerajaan meluluskan undang-undang gaji minimum bagi pekerja semua sektor.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, juga meminta semua kesatuan meluluskan resolusi menuntut gaji minimum pada setiap mesyuarat agung kesatuan masing-masing.

"Resolusi yang diluluskan kesatuan itu perlu dihantar kepada Perdana Menteri untuk membolehkan kerajaan mewujudkan undang-undang gaji minimum.

"Kita tidak mahu dasar gaji minimum, sebaliknya undang-undang yang perlu dipatuhi majikan bagi menjamin kebajikan pekerja di negara ini," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Hari Pekerja.

Perhimpunan bertema Pekerja Penggerak Kemajuan Negara yang dihadiri kira-kira 4,000 pekerja, turut memberi mandat kepada pemimpin MTUC untuk meneruskan tuntutan Gaji Mini-

mum Kebangsaan Untuk Pekerja Malaysia.

Berikutan itu, pemimpin MTUC akan menjelaskan mengenai tuntutan berkenaan kepada pekerja dalam beberapa siri lawatan ke seluruh negara.

Mengulad kenyataan Perdana Menteri bahawa kerajaan tidak dapat menetapkan gaji minimum sebanyak RM 1,200 sebulan, Zainal berkata:

"Majlis jawatankuasa MTUC akan membincangkan kewajaran menuntut gaji minimum di antara RM600 dan RM1,200 sebulan, sebelum mengemukakan memorandum mengenai tuntutan itu kepada kerajaan.

"Gaji minimum itu adalah gaji pdkok yang tidak termasuk bayaran kerja lebih masa atau elaun lain," katanya.

Zainal mendakwa penetapan RM 1,200 sebagai gaji minimum oleh MTUC dalam cadangannya kepada kerajaan adalah hasil daripada idea Perdana Menteri sendiri.

Katanya, Dr Mahathir menyatakan jumlah itu apabila diminta memberi pandangan ketika rombongan MTUC bertemu beliau pada 7 Ogos 1998, untuk berbincang mengenai perkara berkenaan.

Zainal berkata, kerajaan serta Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada prinsipnya menerima cadangan MTUC berhubung gaji minimum untuk pekerja di semua sektor.

Beliau yang juga anggota MTEN berkata, cabaran sekarang ialah menetapkan nilai gaji minimum itu dan MTUC tidak menolak akan mengadakan piket di seluruh negara sekiranya tuntutan berkenaan tidak dilaksanakan.

Pada perhimpunan itu,

Zainal turut melancarkan Kempen Wanita 2000 yang antara lain menuntut tiga bulan cuti bersalin wajib, masa penyusuan bayi bergaji, cuti bersalin bergaji tanpa hak jumlah anak dan menyediakan tempat penyusuan secukupnya.

Bahagian Wanita kesatuan itu juga menuntut majikan menyediakan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja dan memperkenalkan cuti kelahiran untuk ibu bapa.

Dalam sidang akhbaranya pula, Zainal meminta Kementerian Sumber Manusia membantu mempercepatkan kelulusan kesatuan bagi pekerja Hua Long Corporation Sdn Bhd yang beroperasi di Melaka.

Beliau berkata, 1,600 pekerja kilang itu sudah menunggu 18 bulan untuk menubuhkan kesatuan tetapi sehingga kini belum diluluskan.

Di IPOH, badan bukan kerajaan (NGO) dan parti pembangkang yang mengadakan sambutan Hari Pekerja di Ladang Strathisla, Jelapang mengeluarkan deklarasi 1 Mei 2000.

Antara lain, deklarasi IO perkara itu menuntut kerajaan menggubal akta gaji minimum untuk pekerja selaras dengan kadar inflasi dan kos hidup.

Selain mengehadkan hari bekerja kepada lima hari seminggu, cuti bersalin ditambah kepada 90 hari serta memastikan pekerja diberi keutamaan memiliki rumah atau tanah.

Deklarasi itu juga menuntut penggunaan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ditentukan oleh pekerja sendiri selain perkhidmatan kesihatan percuma dan berkualiti.